

115

NO. SOALAN: 54

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 5 APRIL 2018 (KHAMIS)

SOALAN:

Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan bagi menjamin hak wanita Islam untuk bertudung dan memastikan golongan itu menunaikan kewajipan yang telah ditetapkan oleh Islam itu.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) bersama badan-badan bukan kerajaan (NGO's) Islam secara berterusan mengadakan pelbagai usaha, program dan aktiviti bagi memberi kefahaman Islam di kalangan masyarakat supaya sentiasa dihayati.

Oleh itu, JAKIM dengan kerjasama pelbagai agensi dan NGO telah menjalankan pelbagai pendekatan dakwah bil hal seperti kempen- kempen ke arah kesedaran menutup aurat, seminar penerapan nilai-nilai murni dan *Street Dakwah* (dakwah jalanan). Aktiviti *Street* dakwah merupakan salah satu usaha pendekatan dakwah yang kreatif, membuka ruang interaktif kepada semua golongan untuk memahami dan mengenali Islam agar kefahaman dan penghayatan amalan Islam dapat dipertingkatkan.

Selain itu, menerusi Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI) yang diurus setiakan oleh JAKIM juga mengambil inisiatif berkaitan kesedaran menutup aurat , antaranya seperti berikut:-

- i. Siaran Kenyataan Akhbar oleh YBhg Prof. Datuk Seri Dr. Zaleha Kamaruddin, Rektor Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) selaku Pengerusi PISWI;
- ii. Diskusi Meja Bulat Tentang Isu Hijab Itu Bukan Untuk Berfesyen; dan
- iii. Kempen "Berhijab Itu Indah" di Universiti Malaya (UM) oleh Jawatankuasa Pemikir Sosial PISWI.

Pada dasarnya, Kerajaan terus menyokong dan menjamin hak untuk wanita menutup aurat dengan sempurna. Ini kerana hak seorang Islam untuk mengamalkan perintah agamanya jelas termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa tiada diskriminasi bagi rakyat negara ini untuk mengamalkan agamanya. Sememangnya adalah menjadi tanggungjawab ke atas setiap muslim yang mukalaf untuk mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh meliputi setiap aspek dalam kehidupan.

Sekian, terima kasih.